**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**
**TARIKH: 17 JANUARI 2017 (SELASA)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1. | 15 MS dilancar | Utusan Malaysia |
| 2. | Gempa bumi di Utara Sumatera, Gegaran dirasai di Semenanjung Malaysia | BERNAMA |
| 3. | Gempa 5.5 magnitud gegar Medan, Pulau Pinang | Harian Metro |
| 4. | Bodyguard to return to court on March 22 | Malay Mail |

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 17 JANUARI 2017 (SELASA)

# 15 MS dilancar

KEMENTERIAN Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) baru-baru ini meluluskan 15 MS (Malaysian Standard) baharu.

Ini termasuk MS berkenaan wayar dan kabel elektrik, terutamanya kabel disalut dengan penebat getah bagi voltan tinggi 450/750V untuk mengurangkan risiko kecederaan dan kemalangan dalam kalangan pengguna dan industri.

Menurut kenyataan Jabatan Standard Malaysia, MS berkenaan turut memuatkan spesifikasi kabel dan wayar elektrik bertujuan untuk memastikannya sesuai dan selamat untuk digunakan.

Di samping itu, ia juga merangkumi kaedah pengujian yang dijangka akan digunakan oleh makmal pengujian perkakasan rumah seperti SIRIM QAS Sdn Bhd. bagi pensijilan produk.

"MS yang dibangunkan ini dapat menyokong dan dirujuk dalam akta dan peraturan yang dikuatkuasa oleh badan penguatkuasa, seperti Suruhanjaya Tenaga untuk membantu aktiviti kawal selia yang bertujuan melindungi kepentingan pengguna dan menggalakkan pembangunan ekonomi serta pasaran yang kompetitif dengan cara yang mampan alam," kata kenyataan tersebut.

Selain itu, MOSTI juga telah meluluskan 10 MS baharu yang lain termasuk dua MS berkenaan permukaan tapak permainan kanak-kanak, sembilan pindaan ke atas standard yang sedia ada dan 34 standard yang diulangkaji.

Terdapat juga 791 MS sedia ada telah ditarik balik kerana perkembangan pesat teknologi masa kini terutamanya dalam bidang teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), memandangkan standard berkenaan tidak lagi relevan untuk dijadikan rujukan oleh badan-badan berkepentingan.

Sehingga kini terdapat 5,332 MS yang merentasi pelbagai sektor industri yang telah dibangunkan di bawah MOSTI melalui Jabatan Standard Malaysia.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 17 JANUARI 2017 (SELASA)

BERNAMA.COM
MALAYSIAN NATIONAL NEWS AGENCY

# Gempa Bumi Di Utara Sumatera, Gegaran Dirasai Di Semenanjung Malaysia



Penghuni Flat Seri Saujana berkumpul di perkarangan kawasan perumahan itu selepas merasai gegaran kira-kira pukul 8.42 malam

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Gempa bumi sederhana bermagnitud 5.5 pada skala Richter melanda utara Sumatra, Indonesia malam ini.

**Jabatan Meteorologi** dalam satu kenyataan berkata gempa bumi itu berpusat 35 kilometer (km) barat daya dari Binjai, Indonesia dan 264km barat daya dari Lumut, Perak.

Gegaran gempa bumi yang berlaku pada pukul 8.42 malam itu turut dirasai di Semenanjung Malaysia, demikian menurut kenyataan itu.

--BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**
**HARIAN METRO (TENGAH) : MUKA SURAT 04**
**TARIKH: 17 JANUARI 2016 (SELASA)**

Gempa bumi dengan kekuatan 5.5 magnitud yang berlaku di Medan, Indonesia, jam 8.42 malam tadi turut menyebabkan gegaran di beberapa lokasi di Semenanjung Malaysia terutama di Perak dan Pulau Pinang.

Kuala Lumpur

# Gempa 5.5 magnitud gegar Medan, Pulau Pinang

Berdasarkan kenyataan Jabatan Meteorologi Malaysia, gempa bumi sederhana itu berlaku di koordinat 3.3 Utara 98.4 Timur iaitu 264km barat daya Lumut,Perak.

Difahamkan, gegaran paling dirasai oleh penghuni kediaman dan individu yang berada di bangunan tinggi.

Bagaimanapun, Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor, Mohd Sani Harul menyatakan pihaknya tidak menerima sebarang panggilan kecemasan daripada mana-mana pemilik bangunan atau kediaman.

**KERATAN AKHBAR**
**MALAY MAIL (TOP NEWS) : MUKA SURAT 4**
**TARIKH : 17 JANUARI 2017 (SELASA)**



Ja'afarat the court complex in George Town yesterday. —Picture by R. Mahgeshan

# Bodyguard to return to court on March 22

By Mohamed Basyir
*basyir@mmail.com.my*

GEORGE TOWN — The bodyguard alleged to have fatally shot three people, including his "Datuk" employer, in Penang last December is set to return to court on March 22 for fuurther proceedings.

Ja'afar Halid, 38, was produced before Sessions judge Roslan Hamid yesterday morning to face attempted murder charges under Section 307 of the Penal Code.

He faces a maximum 20 years' jail for each charge upon conviction.

Ja'afar was alleged to have attempted to murder Dr Arivarni Krishnan, Nurul Huda Ab Aziz and Lee Hong Boon while armed with a Glock 19 pistol during a shooting incident between 7.15pm and 7.30pm along Tun Dr Lim Chong Eu Expressway on Dec 1.

Dr Arivarni, 33, sustained a gunshot wound to the head, while Nurul, 38, was struck on the shoulder, and Lee, 32, on the left chest.

During yesterday's proceedings, deputy public prosecutor Nurul Huda Idris told the court a new date for proceedings was needed as the Chemistry Department and medical reports had yet to be received.

The accused was then escorted to another court to appear before judge Irwan Suibon to face attempted murder charges against Mohamad Amirul Amin Mohamed Amer, 28, who sustained a gunshot wound to the chest, and Puoh Bee Joo, 32, who was shot on the shoulder.

The two were shot during the same incident.

Deputy public prosecutor Lim Saw Sim also told the court the prosecution was awaiting similar reports before they could proceed with their case.

No plea was recorded in both courtrooms.

After the judges fixed March 22 for the next court mention, Ja'afar was escorted to the central prison where he remains held without bail.

Ja'afar was first charged on Dec 14 but was ordered to undergo a one-month psychiatric evaluation at Hospital Bahagia in Tanjung Rambutan, Perak.

Last Friday, he was produced in court for allegedly murdering his employer, Datuk Ong Teik Kwong, 32, by shooting him in the back of the head during the incident on Dec 1. He also faces charges of murdering Choi Hon Ming, 32, by shooting him in the left chest, and M. Senthil, by shooting him in the chest.

Besides the murder charges, Ja'afar is accused of causing injury to Lim Boon Leng, 32, by striking him on the head with a pistol.

The cases were mentioned in separate magistrate's courts, which also fixed March 22 for document submission.